



SIARAN MEDIA

AMARAN PANGGILAN SCAM

CYBERJAYA, 2 DISEMBER 2024 - CyberSecurity Malaysia ingin memaklumkan bahawa mutakhir ini terdapat banyak panggilan telefon dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kepada orang ramai mendakwa mereka adalah pegawai dari CyberSecurity Malaysia.

Pelbagai alasan diberi oleh pemanggil antaranya ialah nombor telefon penerima panggilan (mangsa) didapati telah melanggar undang-undang keselamatan; nombor telefon digunapakai dalam aktiviti *scam* menyebabkan banyak aduan diterima; nombor telefon diguna untuk sebaran maklumat palsu; nombor telefon akan disekat kerana terlibat dengan penyebaran berita tidak sahih; nombor telefon telah diguna untuk judi 'online' serta penjualan saham palsu.

Dalam hal ini, CyberSecurity Malaysia ingin menegaskan bahawa tiada panggilan telefon yang dibuat oleh agensi ini kepada orang ramai baru-baru ini, atau sebarang panggilan sedemikian sebelum ini.

Orang ramai juga diminta untuk berwaspada dengan panggilan telefon yang mendakwa pemanggil dari Unit Kawalan Keselamatan atau 'Security'. Panggilan ini bukan dari pegawai kami, malah unit tersebut juga tidak wujud di CyberSecurity Malaysia. Malah, pihak kami tidak pernah meminta maklumat peribadi atau maklumat kewangan dari orang ramai melalui panggilan telefon.

Justeru, kami menggesa orang ramai supaya berwaspada dan berhati-hati serta tidak mudah berkongsi sebarang maklumat melalui panggilan telefon yang mencurigakan seperti ini. Orang ramai boleh membuat laporan insiden melalui cyber999@cybersecurity.my jika berdepan dengan panggilan *scam* seperti ini.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia
media@cybersecurity.my